

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: 2

Nora Anne ditemui tanpa pakaian kira-kira 2.5km dari lokasi resort

## Jumpa mayat selepas 10 hari

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**S**EREMBAN – Misteri kehilangan seorang remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, (gambar kecil) di sebuah resort di Pantai di sini sejak 10 hari lalu akhirnya terungkai apabila pasukan mencari dan menyelamat (SAR) menemui mayat wanita kulit putih itu di kawasan lurah berhampiran Gunung Berembun di sini semalam.

Mayat wanita cukup sifat itu ditemui oleh sekumpulan pendaki yang turut menyertai operasi SAR pada pukul 1.57 petang kira-kira 2.5 kilometer (km) dari resort The Dusun Pantai Hill, iaitu lokasi

Nora Anne dilaporkan hilang pada 4 Ogos lalu. Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor berkata, mayat wanita tanpa pakaian itu ditemui di sebuah kawasan berlurah berhampiran anak sungai.

"Mayat itu ditemui dalam lurah di kawasan aliran air. Pasukan operasi terpaksa menggunakan tali dan helikopter untuk mengeluarkan mayat sebelum diterbangkan ke Hospital Tunku Ja'afar (HTJ)

"Ahli keluarga Nora Anne telah dibawa ke HTJ untuk membuat pengesahan mayat tersebut," katanya pada sidang akhbar di Balai Polis Pantai di sini semalam.

Nora Anne dilaporkan hilang dari resort The Dusun Pantai Hill dekat sini pada pagi 4 Ogos lalu semasa sedang bercuti bersama ibunya, Maebh Jaseprine Quoirin, 46, dan bapa, Sebastian Marie Philippe, 47, serta




SEBUAH helikopter PDRM bersedia sedia membawa mayat yang ditemui berhampiran Gunung Berembun, Seremban semalam.



MAYAT Nora Anne tiba di HTJ, Seremban semalam untuk proses pengecaman.



### INFO Lokasi kes Nora Anne Quoirin hilang



dua adiknya.

Semasa kejadian, mangsa tidur dalam bilik bersama Innes Julia, 12, dan Maurice Arthure, 8, sebelum adiknya mendapati gadis tersebut sudah tiada kira-kira pukul 8 pagi.

Mangsa bersama ahli keluarganya tiba di resort berkenaan pada pukul 7 pagi, 3 Ogos lalu.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, mayat itu ditemui oleh sekumpulan pendaki yang menyertai usaha pencarian kira-kira pukul 1.57 petang semalam selepas mendapat maklumat daripada individu yang menemui mayat itu.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan identiti indi-

vidu yang menemui mayat berkenaan.

Dalam pada itu, beliau mengakui kawasan mayat itu ditemui pernah dimasuki oleh pasukan SAR sebelum ini, tetapi tidak dapat mengesan kedudukan mayat itu kerana keadaan lurah yang dalam.

"Kami pernah mencari di kawasan itu. Kawasan carian kami sehingga 6 km," ujarnya.

Sebelum ini, laporan kehilangan Nora Anne turut mendapat liputan media tempatan dan antarabangsa.

Susulan kejadian itu, pihak berkuasa telah melancarkan operasi mencari dan menyelamat remaja terbabit melibatkan lebih 300 anggota daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Perhutanan negeri dan penduduk tempatan.

Kelmarin, keluarga remaja itu menawarkan ganjaran RM50,000 kepada sesiapa yang dapat memberi maklumat sehingga gadis itu dijumpai.

### INFO Kronologi kehilangan Nora Anne

#### 3 Ogos 2019

- Remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, tiba di Resort The Dusun Pantai Hill, Seremban, Negeri Sembilan bersama keluarganya untuk bercuti.

#### 4 Ogos 2019

- Remaja perempuan yang mempunyai masalah pembelajaran itu disedari hilang oleh ahli keluarganya apabila mangsa tiada di bilik penginapannya pada pukul 8 pagi.

- Polis melakukan misi pencarian membabitkan bomba dan anggota polis dari Unit Anjing Pengesanan (K9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Negeri Sembilan.

#### 5 Ogos 2019

- Pihak berkuasa termasuk polis dan anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) mengawal ketat kawasan Resort The Dusun Pantai Hill, lokasi Nora Anne dilaporkan hilang.

- Ketua Polis Negeri Sembilan Datuk Mohamad Mat Yusop menafikan kehilangan Nora Anne sebagai kes penculikan seperti dilaporkan media asing. Kes diklasifikasikan sebagai orang hilang.

#### 6 Ogos 2019

- Menteri Dalam Negeri Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta semua pihak berhenti membuat spekulasi sendiri mengenai kehilangan Nora Anne.

#### 7 Ogos 2019

- Pasukan operasi menggunakan rakaman suara ibu mangsa, Maebh Jaseprine Quoirin bagi mengesan remaja terbabit.

#### 12 Ogos 2019

- Keluarga Nora Anne menawarkan ganjaran RM50,000 bagi membantu mendapatkan maklumat mengenai Nora Anne.